

Balu bekas Setiausaha Sulit Najib terima lebih RM50,000

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI /BH]

Kuala Lumpur: Balu kepada bekas Setiausaha Sulit Datuk Seri Najib Razak menerima wang berjumlah RM52,680 daripada bekas Perdana Menteri itu bagi membiayai pendidikan dua anak lakinya selepas kematian suami pada tahun 2013.

Manisah Othman, 55, yang bekerja sebagai Perangkawan di Bahagian Metodologi dan Penyelidikan, Jabatan Perangkaan Malaysia dalam keterangan di Mahkamah Tinggi di sini, semalam, berkata, suaminya Amirudin Mohd Baria, meninggal dunia pada 21 Jun 2013 akibat kanser usus tahap empat.

Menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi pada pemeriksaan utama, Manisah berkata Najib ada melawat suaminya ketika Allahyarham dimasukkan ke wad Hospital Prince Court sebulan sebelum meninggal dunia.

Manisah yang juga saksi ke-12 pendakwaan berkata, pada waktu itu Najib berjanji untuk membiayai perbelanjaan pendidikan dua anaknya yang kini berusia 23 dan 27 tahun.

Muhammad Saifuddin: Kamu ada terima bantuan itu?

Saksi: Alhamdulillah ada.

Muhammad Saifuddin: Dalam bentuk apa?

Saksi: Dalam bentuk cek.

Muhammad Saifuddin: Boleh beritahu berapa jumlah?

Saksi: RM13,800

Manisah turut mengesahkan cek itu diterimanya daripada rakan arwah suaminya yang bekerja di Pejabat Perdana Menteri dikenali dengan nama Khairul.

Manisah berkata, suaminya bekerja sebagai Pegawai Perhubungan di Boustead Holdings ditempatkan di Pejabat Perdana Menteri.

Pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit Najib

Saksi itu berkata, arwah pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit ketika Najib menjawat jawatan Menteri Pendidikan, bagaimanapun berpindah ke Boustead Holdings apabila Najib dilantik menjadi Menteri Pertahanan.

Katanya, suaminya kembali berkhidmat dengan kerajaan iaitu di Pejabat Perdana Menteri apabila Najib menjadi Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya dilantik sebagai Perdana Menteri.

Ditanya Muhammad Saifuddin adakah beliau masih berhubung dengan Khairul bagi pembiayaan,

katanya, "Tidak lagi"

Menjawab soalan peguam bela Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pada sesi soal balas, Manisah bersetuju dengan peguam itu bahawa beliau juga ada menerima bantuan pendidikan dua anaknya daripada Najib berjumlah RM9,360.00 pada 2013.

Ditanya lagi, sama ada beliau turut menerima jumlah RM29,520 bagi tujuan sama pada 2014, saksi itu menjawab "Ya"

Muhammad Shafee: Kamu setuju Najib ambil berat berkenaan penyakit arwah?

Saksi: Ya

Muhammad Shafee: Ada tak satu aku janji kalau apa-apa jadi pada arwah, Najib akan bertanggungjawab kepada pendidikan dua anak?

Saksi: Setahu saya tidak ada aku janji. Dia ada janji nak bantu dan dia pegang pada janji itu.

Muhammad Shafee: Sekarang ni?

Saksi: Saya bayar sendiri. Saya tidak hubungi Khairul dah.

Muhammad Shafee: Najib tidak tahu?

Saksi: Saya rasa dia tidak tahu.

Setakat saya tahu, dia dah tunaikan janji.



Najib berbincang dengan Muhammad Shafee di luar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.